

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ  
SYED ABDUL FASAL  
[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan terhadap pembangunan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) yang agak ketinggalan dari segi kemudahan dan infrastruktur dan berapakah peruntukan yang telah disasarkan untuk memastikan suasana kondusif dapat diberikan setara kepada keperluan pengajian asas fardu ain KAFA ini kepada anak-anak di seluruh negara termasuk 30 buah SRAR di Parlimen Bukit Gantang.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk memperkasakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. Sejak tahun 2019 hingga 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi memperkasa Institusi Pendidikan Islam di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Ia merangkumi Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Swasta (SAS), institusi tafhib dan pondok. Bantuan ini bagi tujuan selenggara dan naik taraf infrastruktur institusi pendidikan Islam berkenaan yang keseluruhannya telah memberi manfaat kepada 3,654 buah institusi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM85,675,780.00 juta telah disalurkan bagi membantu 1,557 buah Sekolah Agama (Negeri, Rakyat dan Swasta) di seluruh negara yang memberi manfaat kepada 2,066,163 orang murid.

Sekian,